

SMK (P) Methodist, SK Teluk Pulai juara tarian

Pertandingan tarian tersebut yang merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Ko-Akademik Tarian Daerah Klang dan Pejabat Pelajaran Daerah Klang diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk memupuk minat, memperkembangkan asas seni tari serta memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian di samping memberi manfaat kepada masyarakat, bangsa dan negara.

■ ROSNANI SAAD

KLANG - Pasukan tarian dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perempuan (P) Methodist dan Sekolah Kebangsaan (SK) Teluk Pulai masing-masing dinobatkan sebagai johan Per-

tandingan Tarian kategori sekolah menengah dan rendah daerah Klang yang diadakan pada Sabtu lalu.

Pertandingan tersebut yang diadakan bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Rahimah dekat sini menyaksikan sebanyak tujuh buah sekolah menengah dan tujuh buah sekolah rendah di sekitar daerah Klang bertanding bagi merebut gelaran juara.

Tempat kedua bagi kategori sekolah menengah diraih oleh pasukan SMK Tengku Ampuan Rahimah manakala tempat ketiga pula menjadi milik pasukan dari SMK Batu Unjur.

Empat lagi sekolah yang bertanding ialah SMK Tengku Idris Shah, SMK Telok Gadong, SMK Tengku Ampuan Jemaah dan SMK Raja Lumu.

Sementara itu bagi kategori sekolah rendah pula, tempat kedua menjadi milik pasukan tarian dari SK Pelabuhan

Klang, dan diikuti oleh pasukan tarian dari SK (P) Methodist di tempat ketiga.

Turut bertanding bagi kategori sekolah rendah ialah SK Telok Gong, SK (A) Bukit Kemandol, SK Sungai Indah dan SK Pelabuhan Utara.

Pertandingan tarian tersebut yang merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Ko-Akademik Tarian Daerah Klang dan Pejabat Pelajaran Daerah Klang diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk memupuk minat, memperkembangkan asas seni tari serta memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian di samping memberi manfaat kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Penolong Pengarah, Unit Kokurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Siti Dewi Marsitah Ismail.

Beliau dalam ucapannya berkata, program-program

seperti pertandingan tarian ini dapat menggalakkan serta menarik minat pelajar mengenali dan mempelajari asas-asas seni tari.

"Melalui program ini, pelajar-pelajar yang terlibat akan didedahkan kepada satu kaedah pembelajaran tarian zapin, inang, joget serta tarian rakyat.

"Pertandingan ini juga menggalakkan pelajar bergerak aktif sebagai usaha menyemarakkan seni budaya, ke arah mewujudkan sebuah kumpulan tarian di kalangan pelajar sekolah," katanya.

Tambahnya lagi, penglibatan pelajar dalam aktiviti tarian secara tidak langsung memberi faedah kepada mereka iaitu untuk mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang berfaedah.

"Tarian memerlukan disiplin yang kuat bagi menghasilkan persembahan terbaik dan ini juga secara tidak langsung dapat melatih pelajar-pelajar mendisiplinkan diri," katanya.



Kumpulan tarian dari SMK (P) Methodist yang menjuarai pertandingan tarian berkenaan.



SK Teluk Pulai juara bagi sekolah rendah.



Murid-murid berkumpul bagi melibatkan diri bagi majlis ini.



Persembahan nasyid turut diadakan.



Fatimah diarak selepas majlis persaraannya.

Selamat tinggal cikgu... Sekitar majlis persaraan Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Gadong Klang, Fatimah Saleh pada 20 Jun lalu. Beliau memulakan perkhidmatan pada 1 Mei 2004 dan bertugas selama lebih 33 tahun di sekolah tersebut. Sepanjang berkhidmat di SK Telok Gadong, banyak perubahan yang beliau laksanakan melibatkan perubahan dari segi fizikal sekolah dan juga akademik. Turut hadir pada majlis persaraannya, Penyelia Sekolah Rendah Daerah Klang, Huzaimah Mokhtar, guru-guru besar sekolah-sekolah sekitar, guru-guru dan kakitangan serta pelajar SK Telok Gadong.